



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)

Faks : 082-424489

E-mel : pmswk@treasury.gov.my

Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Rujukan Kami : PKP(S)124/13 Jld.17 (13)

Tarikh : 5 Mei 2015
16 Rejab 1436H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Y.Bhg. Datuk/Datu/ Dato'/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN BIL 2 TAHUN 2015

KONTRAK PUSAT SECARA SISTEM PANEL BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BERAS KEPADA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI A & B), AGENSI DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK SECARA RUNDINGAN TERUS YANG AKAN TAMAT KONTRAK PADA 31 MEI 2015

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kontrak Pusat bagi Membekal dan Menghantar Beras Secara Sistem Panel kepada Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori A & B), Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Sarawak Secara Rundingan Terus akan tamat pada 31 Mei 2015.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato' /Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk melaksanakan perolehan beras berdasarkan tatacara perolehan serta peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa. Pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk 1 Pekeliling Perbendaharaan – PK 2/2013 sebelum melaksanakan sebarang perolehan sementara pihak pejabat ini melaksanakan kontrak baru dalam masa terdekat. Perolehan hendaklah dipelawa di kalangan syarikat bertaraf pembuat (panel kontrak pusat yang baru tamat).


4. Kerjasama Y.Bhg.Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua Agensi dan Badan Berkanun di bawah seliaan Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan bagi tujuan perancangan perolehan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

"SENTIASA MESRA, TELITI DAN CEPAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.

Jabatan Akauntan Negara, Kuching
Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman
Jabatan Akauntan Negara, Sarikei
Jabatan Akauntan Negara, Kapit
Jabatan Akauntan Negara, Limbang
Jabatan Akauntan Negara, Bintulu
Jabatan Akauntan Negara, Miri
Jabatan Akauntan Negara, Sib